

Semua kaum perlu **hargai** toleransi: PM

BH 25 AUG 2002

Oleh OTHMAN MAMA1
dan **AHMAD GHAZALI**
MUSA

PASIR GUDANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua kaum di negara ini menghargai toleransi diberikan kerajaan kepada mereka dan bersatu padu menjadi satu bangsa yang bersama-sama mempertahankan kedaulatan negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bersikap amat toleran dengan memberikan kebebasan yang luar biasa kepada semua kaum di negara ini, tanpa sebarang usaha mahu menghapuskan identiti asal sesuatu kaum.

Justeru, katanya semua kaum perlu menyetujui sifat perkauman yang ketat, sebaliknya mengutamakan persamaan di antara kaum, demi merapatkan perpaduan di kalangan mereka.

"I dengan itu, dapat kita merapatkan perpaduan di kalangan kita, dapat kita merapatkan barisan bangsa Malaysia (menjadi) bangsa yang akan mempertahankan negara kita bersama," katanya ketika berucap menu-

tup Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Kebangsaan 2002 di Stadium Perbadanan, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Rafie Mahat.

Seramai 1,038 pemimpin pelajar membabitkan pelbagai kaum dari seluruh negara menyertai perhimpunan yang dipenuhi pelbagai aktiviti sejak empat hari lalu, sempena sambutan bulan kemerdekaan.

Terdahulu, Perdana Menteri dan tetamu disajikan persembahan Teater Muzikal Datuk Onn oleh kumpulan pelajar yang mengimbas sejarah perjuangan Datuk Onn Jaafar, mendapatkan kemerdekaan negara daripada penjajah.

Dr Mahathir berkata, kerajaan memberikan kebebasan kaum luar biasa yang tidak pernah diberikan oleh mana-mana negara lain, termasuk di Eropah dan negara maju.

Menurutnya, negara maju termasuk di Eropah, tidak pernah memberikan galakan dan ke-

bebasan kepada kaum yang bermastautin atau berhijrah di negara mereka seperti diberikan di negara ini.

"Kita mungkin berasal dari negara-negara lain, kita mungkin berasal dari Indonesia, dari Jawa, dari Banjarmasin, dari Aceh, kita mungkin berasal dari negara China atau negara India tetapi negara kita ialah Malaysia dan kita mestilah berlagak sebagai orang Malaysia.

"Orang Malaysia ini berbeza dengan negara asal mereka, kita tidak mungkin menjadikan Malaysia ini 100 peratus sama dengan negara asal kita, tetapi kita tidak hendak hapuskan identiti kaum di dalam negara kita ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua kaum di negara ini menghargai kebebasan diberikan kerajaan, sambil mengungkap pepatah 'di sinilah bumi yang kita pijak, di sini jugalah langit yang kita akan junjung'.

Dr Mahathir berkata, selain mereka yang berada di 'bangku sekolah, pelajar di universiti harus memupuk semangat perpaduan kaum kerana bumi Malaysia bukan terhadap kepada

kaum tertentu saja.

Beliau berkata, perkara ini penting kerana pelajar universiti akan berdepan dunia sebenar di negara berbilang kaum ini yang memerlukan semua penduduknya bercampur gaul, apabila mereka menamatkan pendidikan.

"Jika kita tidak pernah bercampur gaul dengan kaum lain, maka kita dapat sukar bagi kita

hidup sempurna dalam masyarakat berbilang kaum yang ada di dalam negara kita Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, selain sejarah, agama dan budaya, generasi muda perlu menguasai ilmu seperti sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik kerana ia akan membekalkan kebolehan untuk mempertahankan kebebasan negara.

Katanya, rakyat Malaysia tidak hanya perlu pandai membuat parang panjang, tombak dan lembing, malah mencipta alatan peperangan sendiri, supaya tidak perlu bergantung kepada negara asing untuk mendapatkannya.

"Hanya dengan kita sendiri mencipta senjata (canggih) ini dan mengeluarkannya dan belajar bagaimana menggunakan-

nya, barulah kita dapat mempertahankan negara kita," katanya.

Selain itu, beliau mahukan pelajar di sekolah dan universiti melengkapkan diri dengan segala ilmu untuk membangunkan negara dan mampu mempertahankan diri bukan saja daripada serangan ketenteraan, tetapi segala bentuk serangan termasuk ekonomi.